

MEMBANTU MANGSA

Menyokong mangsa keganasan rumah tangga adalah penting. Jika anda mengenali seseorang yang memerlukan bantuan, lakukan perkara berikut:

- Dengar tanpa menghakimi mangsa
- Percayai dan akui perasaan mangsa
- Hormati keputusan mangsa
- Bincangkan langkah seterusnya termasuk pelan keselamatan
- Kenal pasti tempat perlindungan dan bantuan kewangan

Jika mangsa ingin mengambil tindakan terhadap pendera, agensi berikut boleh membantu:

Polis

- Buat satu laporan polis untuk pihak polis menyalut dan mengambil tindakan terhadap pendera

Jabatan Kecemasan di Hospital Kerajaan (One Stop Crisis Centre, OSCC)

- Rawatan perubatan
- Rujukan kepada agensi lain

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- Pelbagai perintah perlindungan boleh didapati:
 - > **Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO):**
Laporan polis tidak diperlukan
 - > **Perintah Perlindungan Interim (IPO):**
Mohon semasa siasatan polis
 - > **Perintah Perlindungan (PO):**
Mohon semasa proses mahkamah jenayah
- Bantuan kewangan
- Tempat perlindungan

WCC / Organisasi wanita lain

- Kaunseling
- Maklumat undang-undang
- Sokongan mahkamah



PELAN KESELAMATAN UNTUK MANGSA

Pelan keselamatan adalah penting untuk mangsa keganasan rumah tangga dan anak-anak mereka. Berikut adalah cadangan senarai semak:

Senarai Semak Pelan Keselamatan

- ✓ Maklumkan kepada ahli keluarga, rakan-rakan, rakan sekerja dan jiran yang dipercayai
- ✓ Simpan nombor kecemasan seperti ahli keluarga, rakan-rakan, polis, organisasi wanita dan Talian Kasih 15999
- ✓ Kenal pasti atau mempunyai tempat yang selamat untuk pergi sekiranya perlu meninggalkan rumah
- ✓ Pastikan barang penting disimpan di tempat mudah diakses:
 - > Dokumen kecemasan:
 - Kad pengenalan / Pasport
 - Sijil kelahiran anak-anak
 - > Pakaian kecemasan
 - > Barang berharga lain:
 - Telefon bimbit
 - Wang tunai
 - Kad ATM / Kad kredit
 - Ubat
 - Buku alamat
 - Kunci: rumah, kereta, pejabat

Untuk bantuan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

Women's Centre for Change (WCC)

241, Jalan Burma, 10350 Penang, Malaysia.

☎ +604-228 0342

☎ +6011-3108 4001

✉ wcc@wccpenang.org

Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)

13, Lorong Sutera 6, Taman Sutera, 13700 Seberang Jaya, Penang, Malaysia.

☎ +604-398 8340

☎ +6016-439 0698

✉ ppw@wccpenang.org

f x i d in WCC Penang



www.wccpenang.org



KEGANASAN RUMAH TANGGA: Membantu Seseorang yang Didera



Tajaan



KEGANASAN RUMAH TANGGA

Keganasan rumah tangga ialah satu perbuatan penderaan atau penderaan yang dilakukan secara berturutan oleh seorang ahli keluarga terhadap ahli keluarga yang lain.

Keganasan rumah tangga berlaku apabila seseorang memilih untuk mengawal dan menguasai seseorang yang lain dengan tujuan mendatangkan bahaya kepada mereka. Adalah penting untuk memahami bahawa mangsa tidak bersalah.

Walaupun keganasan rumah tangga boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, kebanyakan mangsa adalah wanita. Orang lain termasuk kanak-kanak, warga emas, dan lelaki turut boleh menjadi mangsa. Majoriti pendera adalah lelaki.

Faktor seperti umur, tahap pendidikan dan status sosio-ekonomi meningkatkan risiko seseorang mengalami keganasan rumah tangga. Contohnya, wanita dan warga emas dalam keluarga miskin lebih rentan.

Dengan Akta Keganasan Rumah Tangga yang diluluskan pada tahun 1994, keganasan rumah tangga diiktirafkan sebagai satu kebimbangan awam yang perlu ditangani. Mangsa boleh mendapatkan perlindungan undang-undang daripada pendera.

Keganasan rumah tangga memberi kesan yang mendalam kepada mangsa terutamanya wanita dan kanak-kanak. Oleh itu, membantu menghentikan keganasan adalah penting.



JENIS KEGANASAN RUMAH TANGGA

Keganasan rumah tangga boleh berlaku melalui pelbagai bentuk dan tidak hanya melibatkan fizikal.




Fizikal

Memukul, menumbuk, menampar, menendang, mencekik, membaling objek ke arah mangsa.



Psikologi

Menjerit, mengugut, menggunakan bahasa yang merendahkan dan menghina, menyalahkan mangsa, merosakkan harta benda mangsa.



Ekonomi/Kewangan

Menyimpan kad ATM mangsa, meminjam wang atau membuat pinjaman menggunakan identiti mangsa dan enggan membayar.



Sosial

Mengawal pergerakan mangsa, mengasingkan dan menghalang daripada berhubung dengan ahli keluarga atau rakan-rakan.



Seksual

Memaksa atau menakutkan mangsa untuk melakukan perbuatan seksual yang tidak diingini.



Dalam Talian

Menghendap mangsa, mengganggu secara berulang, membuat panggilan atau menghantar mesej ugutan di media sosial.

BAGAIMANA KEGANASAN RUMAH TANGGA BERLAKU?

Kitaran keganasan menggambarkan corak keganasan yang berlaku dan betapa sukarnya untuk mangsa meninggalkan hubungan tersebut. Apabila keganasan berlanjutan, masa antara setiap fasa kitaran akan menjadi semakin pendek.



TANDA-TANDA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Ramai mangsa tidak membincangkan mahupun melaporkan keganasan yang dialami secara terbuka. Ini adalah beberapa tanda yang mungkin memberi amaran kepada anda:

- **Kecederaan fizikal yang jelas** seperti lebam, luka atau patah tulang.
- **Perubahan tingkah laku secara tiba-tiba** seperti menjadi pendiam, kerap menangis atau mudah gelisah.
- **Tekanan emosi** termasuk kemurungan, kebimbangan atau berasa rendah diri.
- **Tidak hadir atau prestasi kerja menurun** kerana tekanan atau batasan fizikal akibat kecederaan.
- **Akses kepada wang terhad** termasuk sentiasa meminjam wang daripada orang lain.